

# UPM ke-45 terbaik dunia

Oleh **Khairul Anuar Muhamad Noh**  
bhvarsiti@bh.com.my

↳ Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) disenaraikan pada kedudukan ke-45 universiti terbaik dunia dalam bidang Sains Pertanian, berdasarkan penarafan Kedudukan Universiti Terbaik Global oleh US News and World Report, baru-baru ini.

Pencapaian UPM itu meningkat sembilan anak tangga berbanding kedudukan ke-54 dalam penarafan sama pada tahun 2014.

US News & World Report turut menyenaraikan UPM sebagai



**Prof Mohd Fauzi Ramlan**

universiti terbaik di rantau Asia Tenggara dan ketujuh terbaik Asia bagi Best Global Universities for Agricultural Sciences.

## 22 subjek

Laporan penarafan memabitkan 22 subjek itu memfokuskan penilaian, antaranya reputasi global dan serantau, prestasi penyelidikan yang menggunakan petunjuk penerbitan dan kerjasama global, memabitkan 750 universiti utama dunia.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata UPM memperoleh 71.1 markah, meningkat sebanyak 3.7 markah, berbanding 68 markah pada 2014.

Katanya, kejayaan UPM itu hasil impak daripada kualiti akademik, penyelidikan dan sumba-



**KOMITMEN, SEMANGAT DAN DEDIKASI KOMUNITI UPM DALAM MEMPERKASA BIDANG PERTANIAN TELAH DIKTIRAF OLEH PENARAFAN GLOBAL DAN SEKALI GUS MEMBUKTIKAN KEBITARAAN UPM DALAM BIDANG SAINS PERTANIAN”**

**Prof Mohd Fauzi Ramlan,**  
Naib Canselor UPM

ngan yang cemerlang daripada ahli akademik, staf dan pelajar.

“Komitmen, semangat dan dedikasi



UPM mampu menjuarai agenda pertanian negara bagi memangkinkan ekonomi pertanian berpendapatan tinggi.

komuniti UPM dalam memperkasa bidang pertanian telah diiktiraf oleh penarafan global dan sekali gus membuktikan kebitaraan UPM dalam bidang Sains Pertanian.

“Prestasi cemerlang UPM turut disokong oleh empat indikator utama yang berjaya disenaraikan dalam kedudukan 50 terbaik dunia,” katanya.

## Empat indikator

Indikator itu ialah reputasi penyelidikan serantau yang berada pada kedudukan kelapan, penerbitan (ke-16), jumlah sitasi (ke-37) dan number of publications that are among the 10 percent most cited (ke-49).

Beliau berkata, peranan kepimpinan yang dimainkan oleh UPM dalam menyokong pemer-

terangkum dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020.

Prof Mohd Fauzi menjelaskan, pencapaian itu merupakan usaha kolektif dan impak Pelan Strategik Putra Global 200 iaitu meletakkan sasaran UPM untuk muncul dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia pada tahun 2020

Dalam perkembangan lain, UPM turut melakukan lonjakan tertinggi anak tangga antara semua universiti awam dalam QS World University Ranking 2015/2016.

Universiti itu melonjak 45 anak tangga untuk berada pada kedudukan ke-331, berbanding 376 tahun lalu dengan memperoleh 39.7 markah.

Pencapaian itu menyaksikan kejayaan UPM mencatat peningkatan selama tiga tahun berturut-turut dalam penarafan itu.

## INFO

### Pencapaian UPM

- ⊙ Kedudukan ke-45 Subjek Sains Pertanian Terbaik Dunia
- ⊙ Kedudukan pertama Universiti Terbaik Sains Pertanian di Asia Tenggara
- ⊙ Kedudukan ketujuh Universiti Terbaik Sains Pertanian di Asia
- ⊙ Kedudukan 50 terbaik dunia dalam empat indikator utama



UPM muncul universiti terbaik di rantau Asia Tenggara dalam bidang Sains Pertanian.